

# **SIDANG SEHARI ADAT PERPATIH 2015**

*“Memelihara dan Memulihara Adat Demi Bangsa”*

**KERTAS KERJA SIDANG 2**

**ADAT PERPATIH DALAM CERPEN DAN NOVEL :  
SEBUAH PENGALAMAN KREATIF**

**NISAH HAJI HARON**

**22 Januari 2015 (Khamis)  
8.00 pagi – 5.00 petang  
Auditorium D’Sury,**

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan**

*Anjuran Bersama:*



## **Adat Perpatih dalam Cerpen dan Novel : Sebuah Pengalaman Kreatif**

**Nisah Haji Haron (LL.M, UKM)**

[www.annyss.blogspot.com](http://www.annyss.blogspot.com)

e-mel : [nisah.haron@gmail.com](mailto:nisah.haron@gmail.com)

### **Pengenalan**

Adat Perpatih yang amat sinonim dengan Negeri Sembilan ini telah menjadi semacam suatu stigma kepada warga negeri ini. Umum mendakwa dan meletakkan pengetahuan tentang adat ini sebagai sesuatu harus dijauhi. Segala yang negatif tentang Adat Perpatih mudah sekali disenaraikan. Apatah lagi mitos klise di dalam adat inilah kegusaran ibu bapa dari negeri lain setelah mendengar anak lelakinya berminat untuk memperisterikan gadis dari negeri beradat ini.

Kegusaran paling tinggi tingkatnya ialah soal harta. Ramai yang membuat tanggapan bahawa berkahwin dengan keluarga sebelah perempuan dari Negeri Sembilan ertinya menyerahkan semua harta secara bulat-bulat. Lalu ditokok tambah cerita itu : jika berlaku perceraian, harta itu secara automatik menjadi milik perempuan itu dan keluarganya.

Nah, tiada siapa yang pasti dokumentasi mana yang ada menyebut tentang mitos ini. Hakikatnya, umpat keji dan gunjing dalam hal-hal yang negatif lebih cepat tersebar daripada sikap ingin mengambil tahu hal yang sebenarnya. Keadaan ini serupa dengan label yang diberikan kepada Islam dari kaca mata Barat. Penganut ajaran Islam mudah sahaja dilabel sebagai teroris dan segala yang ganas itu puncanya pastilah dari orang Islam sendiri.

Lantas, apakah reaksi yang diberikan oleh kebanyakan orang Islam? Demonstrasi, bakar gereja dan hal-hal negatif yang menguatkan lagi sisi negatif yang dibayangkan oleh pihak yang ada agenda tertentu terhadap orang-orang Islam.

Hal yang sama turut dibayangkan oleh pihak luar Negeri Sembilan, khususnya, tentang adat perpatih. Naluri manusia memang mudah sekali mencari kesalahan

terhadap perkara-perkara yang tidak dapat difahami apatah lagi dikuasai maklumat tentangnya. Itu perkara yang amat mudah. Lalu, timbulah tohmahan demi tohmahan, fitnah demi fitnah tentang adat perpatih oleh yang yang sengaja mencari aspek yang ingin dilihat sebagai negatif serta mencari bukti-bukti yang boleh dimuatkan di dalam karung negatif itu.

Ibarat kata perbilangan :

*Kata Adat banyak kiasan  
Ditunjuk dia tetapi bukan  
Bergulung pendek panjang direntang  
Tak faham kalau tak direnungkan.*

Oleh sebab sudah terlalu lama Adat Perpatih diberikan konotasi yang negatif serta salah tentang kedudukan sebenarnya. Terdapat juga kertas kerja ilmiah yang pengkajinya mendekati adat ini dengan *pre-conceived notion*. Pengkaji sudah membuat deduksi terlebih dahulu bahawa adat ini sangat bersalah dengan agama, misalnya, lalu apa yang dilakukan ialah mencari ayat-ayat Al-Quran yang di luar konteks dan mewawancara responden yang kredibilitinya diragukan sebagai pihak berpengetahuan tentang adat. Dalam banyak hal, pengamal adat perpatih sudah terlalu lama bersabar. Ini suatu nilai positif yang diamalkan di dalam masyarakat Adat Perpatih, khususnya jika merantau di negeri orang, seperti kata perbilangan :

*mandi di sebelah bawah,  
ambil air di sebelah hilir.*

Walau bagaimanapun, sifat bersabar dan mengalah ini haruslah bertempat. Pada hari ini, Adat Perpatih bukan setakat diancam, malah dikecam. "Kok bondar sawah sudah disekat, tanah batas dipijak-pijak", maka

*Busungkan dada engkau, bujang  
Perlihatkan tanda engkau lelaki  
Jangat takut tanah 'kan merah  
Satu hilang, kedua terbilang  
Sebelum ajal berpartang mati  
Namun di dalam kebenaran  
Biar dipancung leher putus  
Setapak jangan engkau surut.*

Lalu kertas kerja ini dipersembahkan sebagai satu lagi bentuk wacana balas terhadap sisi negatif Adat Perpatih yang seringkali digembar-gemburkan. Kertas ini juga menyorot proses kreatif dan sentimen terhadap adat yang telah disebut di dalam karya penulis iaitu *Mencari Locus Standi* (Utusan Publications & Distributors, 2004), “Aset Istiqamah” (*Dewan Sastera*, September 2009) dan “Lemang Nan Sebatang” (*Berita Minggu*, 26 September 2009).

### **Elemen Undang-undang di dalam Penulisan Kreatif**

Apabila seseorang itu diberikan ilmu, harta dan kelebihan, ertinya Allah sedang memberinya suatu amanah. Justeru, minat saya di dalam penulisan sekali gus pernah menceburkan diri dalam bidang perundangan ini bukanlah suatu kebetulan. Malah, Allah yang telah mengatur kehidupan saya supaya menjadi sedemikian. Allah jua yang menetapkan bahawa saya berada di dalam bidang profesional – sebagai peguam sivil dan peguam syarie – selama lapan tahun, sebelum terjun sepenuhnya di dalam bidang penulisan. Ada amanah yang Tuhan letakkan ke atas diri saya. Gabungan undang-undang dan penulisan ini menjadi suatu amanah yang cukup besar ke atas diri saya. Kemahiran penulisan bererti saya harus menulis dengan berhemah dan menjadi sebuah perahu yang menghubungkan dua tebing kebenaran dan tanggapan.

Sejarah penulisan yang bermula sejak zaman persekolahan sehingga melewati zaman menjadi mahasiswa dan seterusnya alam pekerjaan telah memberi bentuk kepada pemikiran yang saya abadikan di dalam karya-karya kreatif. Setelah menghasilkan lebih 40 buah cerpen, saya meneliti kembali senarai cerpen yang pernah terbit sejak tahun 1990-an sehingga yang terkini. Lebih separuh daripadanya mempunyai nuansa undang-undang. Sebahagian besar daripadanya pula mengungkap tema perundangan, sama ada secara tuntas mahu pun sepintas lalu, seperti yang disenaraikan di dalam Jadual 1 di bawah :

<b>Bil.</b>	<b>Judul (Tahun) / Media</b>	<b>Topik / Isu</b>
1.	<i>Annyss Sophilea</i> (1992) / Dewan Siswa	Konsep qisas di dalam undang-undang Islam
2.	<i>Istimewa Dari Cenma Detara</i> (1994) / ASPIRASI UKM	<i>Private International Law</i>
3.	<i>Hardanna</i> (1995) / ASPIRASI UKM	Konflik pelajar undang-undang
4.	<i>Cinta Sangkuriang Rindu Oedipus</i> (1996) / Dewan Budaya	Sumbang mahram
5.	<i>Selagi Lading Masih Di Tangan</i> (1996) / Berita Harian	Watak utama – penasihat undang-undang syarikat
6.	<i>Persidangan Agung Wanita Klasik</i> (1997) / Dewan Sastera	Perlindungan undang-undang untuk wanita
7.	<i>Afidavit Emosi</i> (1998) / Dewan Sastera	Watak-watak peguam dan latar mahkamah futuristik
8.	<i>Impian Tsu-Ryi</i> (2000) / Mingguan Malaysia	Hak kanak-kanak / remaja (Retrospeksi kisah Sufiah Yusof)
9.	<i>Ziarah Izrail</i> (2000) / Dewan Sastera	Kematian di sisi undang-undang – <i>honour killing, euthanasia, rogol-bunuh, pelaksanaan hukuman bunuh</i>
10.	<i>Konspirasi</i> (2002) / Mingguan Malaysia	Kes penipuan berprofil tinggi
11.	<i>Kasih Di Pintu Rahim</i> (2002) / Dewan Budaya	Perceraian dalam Islam, iddah wanita hamil
12.	<i>Presiden Rebecca</i> (2003) / Mingguan Malaysia	Undang-undang antarabangsa. Undang-undang perang.
13.	<i>Rindu Seorang Rafik</i> (2003) / Dewan Sastera	Undang-undang antarabangsa Kes Pulau Sipadan & Pulau Batu Putih
14.	<i>Impian Tsu-Ryi 2</i> (2004) / Dewan Sastera	Retrospeksi kes Natrah. Undang-undang Keluarga Islam/Sivil
15.	<i>Saksi Delima Sakti</i> (2005) / Dewan Sastera	Dilema anak sebagai saksi apabila bapanya mendera ibu sendiri.
16.	<i>Pusaka Cendana</i> (2006) / Mingguan Malaysia	Mewasiatkan bongai dan undang-undang wasiat
17.	<i>Sepaun Daging Hutang</i> (2007) / Dewan Budaya	Interteks kepada <i>Merchant of Venice</i> (Shakespeare) – sebuah kes mahkamah
18.	<i>Antara Dua Pusara</i> (2007) Dewan Sastera	Hak muallaf dan hak pewarisan kepada waris yang belum Islam, termasuk hak menguburkan muallaf tersebut.
19.	<i>Resipi Dari Istana 3</i> (2009) / Mingguan Malaysia	Kes saman malu
20.	<i>Di Bawah Lindungan Hudaibiyah</i> (2008) / Dewan Sastera	Murtad
21.	<i>Aset Istiqamah</i> (2009) / Dewan Sastera	Merungkai undang-undang tanah adat di Negeri Sembilan (secara tuntas)
22.	<i>Lemang Nan Sebatang</i> (2009) / Berita Minggu	Falsafah di sebalik lemang dan proses 'melemang' serta undang-undang tanah adat di Negeri Sembilan (sepintas lalu)

Jadual 1 : Senarai cerpen yang bertemakan atau menyentuh aspek undang-undang sivil, undang-undang jenayah dan undang-undang adat

Penghasilan cerpen-cerpen sedemikian bertitik tolak daripada rasa amanah bahawa sebagai penulis yang mempunyai disiplin undang-undang, saya wajar mendidik pembaca memahami aspek-aspek perundangan yang tertentu melalui karya kreatif. Fakta dan data yang polos akan segera mendatangkan rasa jemu, berbanding cerita yang baik mampu menarik perhatian pembaca. Pada ketika inilah, penulis mampu memasukkan agenda penulisannya.

### ***Mencari Locus Standi***

Pengarang kreatif sentiasa memiliki banyak pilihan. Oleh hal yang demikian, Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Tahir dan Mohd Zariat Abdul Rani di dalam buku *Gagasan Persuratan Baru* (ATMA UKM, 2008) ada menyebut tentang *epistemic choice*, iaitu pemilihan berasaskan ilmu. Hal ini diperjelaskan lagi oleh pengarang sebagai bermaksud “pengarang menyerlahkan kemampuan intelektual dan seninya dalam bahasa kesarjanaan tetapi indah dari segi pengucapannya.”

Bergerak daripada premis di atas, novel sulung penulis *Mencari Locus Standi* (selepas ini dirujuk sebagai MLS) terhasil untuk memberi wacana balas terhadap dua perkara utama yang sering disalahertikan, iaitu tentang :

- Wasiat untuk orang Islam yang digambarkan di dalam drama-drama Melayu sebagai sama kaedah pembahagiannya dengan orang bukan Islam; dan
- Perihal Adat Perpatih yang seringkali digambarkan sebagai sesuatu yang negatif.

Oleh sebab seseorang pengarang itu sentiasa ada pilihan dalam menentukan perjalanan karyanya, penulis memilih sisi positif daripada subjek cerita supaya menjadi satu bentuk pencerahan kepada pembaca. Sebagai perbandingan, penulis boleh sahaja memilih untuk memperkatakan kesilapan orang Melayu – Islam dalam menguruskan harta pusaka dan tidak memahami wasiat; ataupun mengangkat sisi negatif Adat

Perpatih yang berlaku di dalam kes-kes terpencil tetapi dibesarkan dengan kadar yang berlipat kali ganda.

Walau bagaimanapun, mengangkat sisi negatif serta menyalahkan sesuatu pihak semata-mata tidak akan menjentik minda pembaca apatah lagi menjernihkan isu serta memberi pencerahan kepada pembaca. Segala yang ditulis pengarang ialah suatu bentuk pengabsahan dan dokumentasi terhadap pemikirannya. Lantas, penulis memilih untuk membuat satu bentuk dokumentasi atas perkara ‘yang elok-elok sahaja’ kerana perkara ini benar dan wajar disimpan di dalam bentuk yang kekal untuk rujukan sesiapa sahaja pada masa hadapan.

Ketika menulis MLS, penulis masih bertugas sebagai peguam sivil dan juga peguam syarie. Penghujahan tentang Adat Perpatih di dalam MLS tidaklah sedalam yang dirangkum di dalam cerpen “Aset Istiqamah” yang akan dibincangkan selepas ini. Pada waktu menulisnya, penulis baru 3 tahun berkahwin dan masuk ke dalam masyarakat Adat Perpatih. Penulis dapat melihat secara langsung upacara adat dan berpeluang berbincang dengan beberapa tokoh adat yang berwibawa di dalam bidang adat bagi mendapatkan banyak penjelasan mengenai Adat Perpatih ini. Penulis dapat, tulisan-tulisan berkaitan dengan adat ini banyak yang bersifat terlalu ilmiah, khusus (untuk tujuan disertasi, misalnya) dan kebanyakannya berada di menara gading.

Tulisan-tulisan yang mudah dibaca orang ramai, boleh dikatakan hampir tiada dan jika ada pun, agak sukar untuk mendapatkannya. Oleh itu, tidak hairanlah apabila Adat Perpatih terus menjadi bahan cemuhan kerana usaha di pihak yang berwajib barangkali tidak sampai kepada khalayaknya.

Mengambil pendekatan yang lebih positif dan wajar, penulis memberanikan diri memasukkan tentang Adat Perpatih di dalam MLS ketika manuskrip itu sedang ditukangi. Sebagai percubaan pertama dan konsep novel ini ialah untuk remaja akhir, penulis tidak berhasrat untuk melambakkkan semua fakta tentang adat ke dalam sebuah novel. Oleh itu, penulis memilih dos yang sesuai dalam menggabungkannya dengan hal-hal lain yang berkaitan seperti undang-undang perwarisan, kisah hidup sekumpulan pelajar undang-undang dan pengalaman E-Jay, watak utamanya menjelaki waris ketika membuat kerja lapangan di Seri Menanti.

"Kau tahu, Han? Yang paling aku suka tentang Adat Perpatih ni ialah perbilangannya."

"Sebab?" Azhan memandang tepat ke wajahnya.

"Kau dengar ni, perbilangan tentang konsep persefahaman :

*Bulat air kerana pembetung  
Bulat manusia kerana muafakat  
Faham sesuai benar seukur  
Bulat segolek pipih selayang  
Rundingan jangan selisih  
Muafakat jangan bercanggah  
Tuah pada sekata  
Berani pada seja.*

Puitis dan seirama bunyinya. Nanti bila kita sudah selesai kertas kerja ini nanti, aku nak kumpul semua perbilangan adat ni."

Azhan Harith hanya tersenyum melihat matanya yang ceria seperti anak kecil baru dihadiahkan mainan baru.

"Lepas tu, kau dengar yang ini pula. Adat Perpatih mengajar pengamalnya supaya menjadi pemikir dan pemerhati :

*Penakik pisau seraut,  
Ambil galah batang lintabung,  
Seludang dijadikan nyiru;  
Air setitik jadikan laut,  
Tanah sekepal jadikan gunung,  
Alam berkembang jadikan guru.*

Perbilangan ini tidak lari daripada firman-firman Tuhan yang mengajak hambanya supaya banyak berfikir."

Azhan Harith ketawa, "Engkau ni bercakap mengalahkan Tok Adat pulak!"

Tiba-tiba kedua-dua pipi gadis itu merah kesumba. "Kenapa kau ketawakan aku?"

Temannya terpaksa mematikan gelaknya serta-merta apabila E-Jay merenungnya dengan serius.

"Sebab aku belum pernah melihat mana-mana orang luar Negeri Sembilan yang bercakap sesuatu yang positif tentang Adat Perpatih. Kebanyakannya mencemik dan selebihnya hanya menyerlahkan isu-isu yang negatif. Yang mengutuk juga tak kurang."

"Sebab mereka tak faham. Seperti juga keluarga sebelah ayahmu, bukan?"

Perlahan-lahan tinta merah yang mewarnai wajahnya hilang seperti juga ketegangan yang menguasai suasana.

*Mencari Locus Standi, halaman 152-154*

Respons daripada pembaca MLS yang memberitahu secara peribadi kepada penulis, menyebutkan tentang peningkatan pemahaman terhadap undang-undang perwarisan, khususnya wasiat, dan juga tentang Adat Perpatih. Di dalam beberapa babak, penulis menggambarkan secara tidak langsung bahawa Adat Perpatih tidak mengongkong sesiapa :

"Han, kau masih tak boleh balik ke Johor melawat keluarga sebelah ayahmu di sana?" E-Jay memandang wajah temannya dari arah sisi menanti jawapannya.

"Tidaklah. Kata ayah, selepas berkahwin, mereka buat macam tak faham dengan arahan atuk dan nenek di Johor. Mereka tetap pulang pada setiap bulan walaupun sambutan daripada mereka hambar dan dingin. Ibu penyabar. Begitu juga dengan ayah. Lama-kelamaan, abang dan kakak kembar aku lahir. Atuk dan nenek langsung lupa pada syarat yang mereka kenakan pada ayah. Lagipun mereka tengok, ibu tidak pernah mengongkong ayah. Dugaan mereka meleset."

"Cinta mereka kuat," komen E-Jay.

"Alhamdulillah. Begitu juga dengan jodoh mereka."

"Mereka bertuah dikurniakan sifat sabar."

*Mencari Locus Standi*, halaman 155

Hubungan yang rapat antara ibu saudara dan anak saudara – lalu menghalang perkahwinan sesuku kerana sepupu sebelah ibu (yang dipanggil seperut – disebabkan generasi yang lebih atas berkongsi nenek atau moyang yang sama) rapat seperti adik beradik dan tidak mustahil berlakunya hubungan susuan. Lantas, wajarlah sepupu sebelah ibu (hubungan satu suku) tidak boleh berkahwin atas kekhawatiran mereka mungkin sahaja adik beradik susuan.

"Anak sendiri dibela, anak saudara dijaga," ujar Tok Dollah Sani. "Masing-masing pun dah kenal mengenal. Kok terlanggar batang hidung, berselisih bahu dah kenal waris sendiri."

"Betul tu, Tok. Orang di sini, emak saudara tu macam emak sendiri. Buatlah Mak Lang ni macam tu. Mungkin hari ini kita baru kenal, tapi lama-lama segan tu boleh hilang. Kalau nak malu biarlah bertempat."

Tok Dollah Sani mengangguk beberapa kali. "Terasa senang hati bila dapat pertemuan waris. Rumah ni nanti, rumah kau juga. Sebab Adat Perpatih tak kan beri orang perempuan merempat. Orang lelaki tak apa, pipit jantan tidak bersarang. Harta pusaka orang perempuan yang punya, orang menyemenda yang bela. Kata adatnya :

*Terbit pusaka kepada saka  
Si laki-laki menyandang pusaka  
Si perempuan yang punya pusaka  
Orang semenda yang membela.*"

Tanpa disedari, E-Jay tiba-tiba dikelilingi oleh sekian sanak saudara yang sama-sama mewarisi teratak pusaka milik keluarga sebelah ibunya. Baru semalam dia mengenang suratan diri sebagai anak yang tidak punya mananya talian keluarga, tiba-tiba hari ini dia menjadi orang yang paling kaya. Mak Lang Rosmah, adik kepada ibu kandungnya menerima dia dengan tangan yang amat terbuka.

*Mencari Locus Standi*, halaman 204-205

Pengalaman penulis apabila masuk ke dalam masyarakat Adat Perpatih memperlihatkan bahawa hubungan anak saudara dengan ibu atau bapa saudara amat kuat. Dalam hal-hal perkahwinan, ibu atau bapa saudara akan mengambil tempat ibu bapa kandung, khususnya apabila pergi meminang, mengundang untuk majlis perkahwinan sebagai wakil rasmi. Pada waktu hari raya pula, hari raya pertama dikhususkan untuk menziarahi keluarga ibu atau bapa saudara. Secara amalannya, keutamaan kepada keluarga ibu atau bapa saudara ini tidak boleh mendahului keluarga sepupu kerana kedudukan mereka sama taraf dengan ibu dan bapa kandung. Sekiranya ibu atau bapa saudara memberitahu bahawa mereka akan mengadakan sebarang bentuk kenduri-kendara, anak-anak saudara (yang berkelapangan) wajib datang membantu. Hubungan kekerabatan inilah yang membentuk ukhwah di dalam masyarakat Adat Perpatih umumnya.

Hal-hal ini menyentuh sensitiviti penulis dalam mengungkapkan perkara demikian di dalam karya. Terlalu banyak hal ‘yang elok-elok sahaja’ tidak diungkapkan dengan baik di dalam karya kreatif, khususnya. Penulis membayangkan bahawa ilmu undang-undang dan pengetahuan tentang adat yang pernah digulati sebagai suatu disiplin harus dilihat sebagai suatu bentuk fardhu kifayah. Ilmu dan pengetahuan sebenar ini mestilah disampaikan sekerap dan setepat mungkin kepada khalayak.

### ***Aset Istiqamah dan Lemang Nan Sebatang***

Cerpen “Aset Istiqamah” telah dikirimkan ke Dewan Bahasa dan Pustaka bagi menyertai Sayembara Cerpen Berunsur Islam ke – 12 pada tahun 2005 dan telah mendapat tempat pertama (hadihnya disampaikan pada tahun 2009). Cerpen ini sepenuhnya mengungkap tentang tanah pusaka adat yang mencetuskan satu lagi bentuk kekeliruan kepada orang Melayu – Islam, khususnya yang berada di dalam wilayah Adat Perpatih.

Cerpen “Lemang Nan Sebatang” pula dikirimkan ke Berita Harian (Sabtu) bersesuaian dengan musim Hari Raya dan aktiviti ‘melemang’ yang popular di dalam masyarakat, khususnya di Negeri Sembilan. Kedua-dua cerpen ini menyentuh tentang tanah adat. Cerpen “Aset Istiqamah” lebih menyeluruh penghujahannya sementara

“Lemang Nan Sebatang” hanya menyebut secara sepintas lalu kerana selebihnya penulis mahu mengungkapkan tentang falsafah di sebalik aktiviti ‘melemang’.

Mitos-mitos yang biasa didengar tentang perwarisan harta adat ialah

- adat ini mengutamakan kaum wanita sehingga saudara lelaki merempat kerana tidak layak mewarisi harta.
- Adat Perpatih menyalahi syarak kerana di dalam kaedah feqah harta pusaka haruslah dilebihkan kepada waris lelaki berbanding waris perempuan dengan nisbah 2:1,
- Orang lelaki Negeri Sembilan dayus kerana membenarkan hal ini berlaku
- Orang perempuan Negeri Sembilan bersifat *queen control* kerana dia berkuasa di dalam kawasan harta pusakanya dan dia boleh berbuat apa sahaja terhadap harta itu.

Satu konsep yang diamalkan di wilayah-wilayah Adat Perpatih ialah rundingan dan muafakat. Kata perbilangannya :

*Adat bersendi hukum  
Hukum bersendi Kitabullah  
Kuat Adat tak gaduh hukum  
Kuat Hukum tak gaduh adat  
Ibu hukum muafakat  
Ibu adat muafakat.*


Mendalami jurusan undang-undang untuk kedua-dua ijazah sarjana muda dan juga ijazah sarjana, penulis telah mengkaji kedudukan tanah adat di dalam undang-undang perwarisan Islam. Salah faham yang timbul dalam kalangan orang awam tentang tanah adat, hatta sesetengah sarjana juga tidak memahami, bahawa tanah pusaka adat berbeza dengan tanah pusaka biasa. Hanya tanah pusaka adat dimiliki oleh suku (*tribe*) yang diwakili oleh waris perempuan.

*In the parts of Negeri Sembilan and Malacca which follow the Adat Perpatih, the fundamental principle that is followed is that property is tribal rather than personal. The social unit is not the family but the tribe and therefore all rules affecting persons tend to maintain the integrity of the tribe and all rules affecting property are designed to conserve the property in land for the tribe.... The main object of the Adat is to provide for the continuance of the tribe through its female members and to prevent alienation of property so that it may always be sufficient to provide maintenance for the women through whom alone the tribe can be continued.*


(Ahmad bin Mohamed Ibrahim in Family Law and Customary Law in Asia, David C. Buxbaum (ed), 1968, halaman 133)

Sistem ini berlangsung dengan baik, sehingga pihak British dan pengenalan kepada sistem torrens di dalam undang-undang tanah. Melalui sistem ini, semua tanah hendaklah didaftarkan dan mempunyai geran. Nama pemilik dicatatkan pada geran tersebut. Tujuannya mudah – untuk memungut cukai. Nama yang tercatat pada geran tidak boleh disangkal, lalu menjadikan penama itu sebagai pemilik tanah.

Hal ini sangat bertentangan di dalam kes Adat Perpatih. Seperti yang dinyatakan di dalam petikan di atas, “*the fundamental principle that is followed is that property is tribal rather than personal*” (prinsip asas mengenai harta ialah harta itu milik suku dan bukannya milik peribadi). Konsep inilah yang menjadi asas kepada sistem perwarisan harta di dalam wilayah Adat Perpatih. Terdapat perbezaan antara harta pusaka biasa dan harta pusaka adat yang boleh digambarkan melalui gambar rajah berikut :



Cara-cara mewarisi **harta pusaka adat** boleh diringkaskan seperti gambar rajah yang berikut :



Melalui cerpen “Aset Istiqamah” dan juga “Lemang Nan Sebatang”, persoalan tanah adat ini menjadi pokok persoalan. Di dalam kedua-dua karya ini juga ditawarkan penjelasan terhadap kekeliruan bahawa adat perpatih telah melanggar hukum Islam, khasnya di dalam hal faraid. Namun, rata-rata pihak yang berkata demikian tidak memahami konsep perwarisan Islam di dalam konteks yang lebih luas.

Tanah adat seperti yang telah dijelaskan di atas, bukanlah milik individu. Gambaran yang telah diberikan di atas menunjukkan bahawa pemberian tanah adat kepada waris perempuan menunjukkan kedudukannya sebagai harta amanah. Di dalam perwarisan, harta amanah bukanlah milik sempurna seseorang individu. Oleh itu, harta amanah tidak boleh diwariskan mengikut pembahagian faraid yang difahami. Malah, faraid merupakan jalan keluar yang terakhir dalam pembahagian pusaka, seperti yang digambarkan oleh rajah di bawah:

Sebelum harta boleh difaraidkan, hendaklah ditolak terlebih dahulu daripada jumlah harta itu –

- belanja pengkebumian
- hutang piutang si mati
- wasiat
- hibah
- harta sepencarian
- harta amanah
- apa-apa harta lain yang bukan milik sempurna.

Setelah itu barulah harta yang bersih dinilai semula. Jika ada sebarang muafakat, harta tersebut boleh dibahagikan mengikut **muafakat**. Jika tiada sebarang muafakat, barulah harta itu **difaraidkan**.

Tanah adat bukan termasuk di bawah hibah, kerana melalui konsep hibah, harta milik si mati, boleh diberikan kepada sesiapa yang dikehendakinya ketika si mati masih hidup lagi. Si penerima harta itu pula mestilah menerima (tidak menolak pemberian tersebut). Jika dia menolak, harta itu kembali menjadi milik si mati dan boleh dipusakai.

Ini disebut di dalam cerpen “Aset Istiqamah” –

“Tanah adat,” sambung Profesor Faqih lagi, “ bukanlah sebahagian daripada harta pusaka dalam maksud yang diterangkan di atas. Ia tanah yang diamanahkan oleh waris perempuan yang lebih tua kepada waris perempuan generasi seterusnya. Kena ingat, ia bukan harta yang menjadi milik perempuan tersebut secara individu. Ia milik sukunya yang boleh dimanfaatkan oleh kerabatnya sama ada lelaki ataupun perempuan.”

Ahmad Zuhairi tidak jadi hendak mencelah.

“Di situlah indahnya adat ini mengatur cara hidup masyarakatnya. Ia menjaga kedudukan wanita supaya tidak akan merempat tanpa harta. Malah, ketika Barat masih terkial-kial memperjuangkan emansipasi wanita ala Germaine Greer dan Eleanor Roosevelt, adat perpatih telah lebih awal memberi hak tersebut selari dengan kedatangan syiar Islam.”

“Aset Istiqamah”

Kekeliruan tentang perwarisan ini digambarkan melalui kedua-dua watak lelaki dalam masing-masing cerpen. Mereka bukan sahaja mewakili pihak lelaki yang kononnya menuntut keadilan pembahagian secara faraid, malah mereka menjadi simbol kepada sesiapa sahaja yang keliru tentang kedudukan pembahagian harta pusaka adat:

- Ahmad Zuhari (“Aset Istiqamah”); dan
- Angah (“Lemang Nan Sebatang”)

Hati mana yang boleh menerima kenyataan itu. Hatinya hancur apabila Busu mengumumkan yang tanah adat tidak boleh diturunkan kepada waris lelaki, walaupun kehendak itu suka sama suka.

“Ini tak adil. Busu tak adil! Adat ni lagi tak adil. Adat yang menguntungkan orang perempuan sahaja!”

Kala itu Busu cuba membalias, tetapi Angah enggan mendengarnya.

“Angah, memanglah tanah adat orang perempuan yang punya, tapi orang lelaki boleh guna. Nama busu atau Limah, sepupu kau tu dibubuh atas geran, tak jadi hal pun. Adat tak melarang kau ambil faedahnya. Usahlah sempitkan akal tu!” Ketika pak long pula menerangkan, semuanya seperti angin lalu.

“Lemang Nan Sebatang”

Memiliki tanah pusaka adat sebagai satu amanah, bukanlah bererti tanah itu boleh diperlakukan sesuka hati oleh perempuan yang memegang amanah. Ini disebabkan mengikut peraturannya, tanah adat ini jika –

dijual tak dimakan beli  
digadai tak dimakan sandar

Ertinya, tanah adat tidak boleh dijual ataupun dicagarkan atas apa alasan sekalipun melainkan dengan persetujuan ahli waris dan hasilnya akan dibahagikan kepada waris perempuan yang berhak. Tujuannya ialah untuk melindungi harta milik suku dan dalam masa yang sama melindungi hak-hak wanita supaya tidak terabai, sama ada jika wanita itu tidak berkahwin ataupun sudah berkahwin kemudian bercerai. Wanita mendapat tempat di dalam masyarakat dan tidak dilihat merempat ataupun menjual maruah hanya kerana tiada kelebihan ekonomi.

Walau bagaimanapun, amanah memegang harta pusaka adat bererti wanita itu bertanggungjawab menjalankan perkara-perkara berikut :

- a. Belanja mengisi adat yang berhubung kesalahan perkahwinan;
- b. Membayar hutang lelaki bujang yang meninggal dunia;
- c. Memberi tempat tinggal di rumahnya semasa lelaki itu tiada beristeri;
- d. Perbelanjaan pengurusan kematian saudara lelaki;
- e. Perbelanjaan pelajaran agamanya;
- f. Membantu dalam perbelanjaannya ke Mekah menunaikan haji.

(Parr, J.W., & Mackary H.W., Rembau , one of the Nine States, Its History , Constitution and Customs. (1910) JMBRAS No 56, hlm 73-73)

Hal inilah yang jarang diketahui ataupun diambil tahu oleh pihak yang bersikap mahu menuding jari kepada pengamal Adat Perpatih sebagai berat sebelah serta tidak adil kepada waris-waris lelaki.

Melalui cerpen "Aset Istiqamah" juga, penulis menjelaskan konsep 'biar mati anak, jangan mati adat' sebagai satu lagi ungkapan adat yang menjadi punca salah faham. Ramai yang menjelaskan dengan secara sempit bahawa Adat Perpatih kejam kerana sanggup membiarkan anaknya mati asalkan adat dapat dikekalkan.

Ini turut digambarkan di dalam lagu “Syair Cak Pong” yang dipopularkan oleh N.D. Lala. Petikannya seperti yang berikut :

*Biar mati anak jangan mati adat  
Hei jangan dibiar anak kita mati  
hai tergamak ke?  
Kalaualah anak sudahlah mati  
Siapalah pulak nak sambung adat  
Kita dituntut tambah zuriat  
Berilah dia didikan agama  
InsyaAllah dia tidaklah jahat  
Kita pun tidak teruslah baik  
Dulu pun kita jahatlah juga*

Pemahaman ungkapan ini secara harafiah mencerminkan pemikiran yang dangkal. Apabila tidak faham, dengan mudahnya mencari kesilapan dan kekurangan lalu dijadikan bahan lelucon.

Rentetan daripada itu juga, penulis menerangkan bahawa adat yang dimaksudkan di dalam ungkapan ‘biar mati anak, jangan mati adat’ bermaksud undang-undang ataupun peraturan. Rasulullah di dalam hadisnya ada bersabda bahawa, “Jika Fatimah (puteri baginda) mencuri, akan kopotong tangannya.” Di dalam undang-undang juga ada konsep *Salus Populi Est Suprema Lex* yang bermaksud kepentingan ummah itu lebih penting daripada kepentingan individu.

Namun, kepentingan ummah itu lebih penting daripada kepentingan individu. Frasa ini sudah beberapa kali didengar daripada sumber yang berbeza. Juga pernah ditambah oleh Badariah yang menyebutnya dalam bahasa Latin kuno – *Salus Populi Est Suprema Lex*.

“*Let the welfare of the people be the supreme law,*” kata Profesor Faqih menterjemahkan ungkapan Latin itu.

“Aset Istiqamah”

Konsep ini bersifat universal dan bukan sahaja diamalkan oleh Adat Perpatih sahaja. Keadilan haruslah telus dan bukannya memilih pihak-pihak tertentu. Pemahaman serong tentang ungkapan ‘biar mati anak, jangan mati adat’ ini juga terjadi kerana amalan mengambil ungkapan yang tidak lengkap, misalnya, ‘rezeki secupak takkan jadi segantang.’

Menurut tokoh budayawan Melayu, Tenas Effendy, ungkapan yang selengkapnya ialah :

Apabila ikhtiar sudah cukup  
Yang usaha sudah habis  
Yang mujur tak dapat diraih  
Yang malang tak dapat ditolak  
Yang nasib sudah bertentu  
Yang takdir sudah tersurat  
Yang suratan sudah berlaku  
Yang daya sampai hadnya  
Yang upaya sampai batasnya  
Yang ikhtiar sampai pucuknya  
Yang sepompat takkan jadi se kal  
Yang se kal takkan jadi se cupak  
**Yang secupak takkan jadi segantang**  
Yang sejengkal takkan jadi sehasta  
Yang sehasta takkan jadi sedepa  
Yang sukatan sudah dipepas  
Yang timbangan sudah bertentu  
Di situ iman diteguhkan  
Di situ dada dilapangkan  
Di situ akal dipanjangkan  
Di situ hati dipukalkan  
Di situ diri direnungkan

Akibat sikap mengambil ringkas dan ambil mudah daripada ungkapan yang sepenuhnya dan tidak berminat untuk mengkaji dengan lebih mendalam, timbulah kekeruhan ini.

Menurut Tenas Effendy lagu di dalam kertas kerjanya “Ungkapan Melayu : Mutiara Khazanah Tamadun Bangsa” (Pembentangan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya : Julai 2008), ungkapan yang lengkap bagi ‘biar mati anak, jangan mati adat’ ialah –

Apa tanda orang beradat  
Imannya kokoh beramal kuat  
Bekerja dengan berhemat cermat  
Tahan memikul ringan dan berat

Yang adat bersendikan syarak  
Yang syarak bersendikan Kitabullah

Syarak mengata adat memakai  
Memakai pada yang sesuai

Syarak menyebut adat mengikut  
Mengikut pada yang patut

Yang Syarak mengatur hukum  
Yang Adat sedia maklum

Yang Syarak mengatur undang  
Yang Adat sedia memegang

Yang Syarak menjadi teraju  
Yang Adat sedia mengacu

Yang Syarak menjadi punca  
Yang Adat mengembangkannya

Elok umat mulia umat  
Duduk tegak menjunjung adat  
Sebarang laku berhemat cermat  
Sebarang kata berisi nasihat  
Duduk beramai ia terhormat  
Hidup sentosa dunia akhirat

Malang umat celaka umat  
Umat tak tahu kepada adat  
Fikiran buntu akal pun sesat  
Ke mana pergi dibenci umat

Apabila maruah hendak ditegak  
Adat lembaga sama disemak

Apabila hidup hendak terbilang  
Adat diisi lembaga dituang

Apabila hidup hendak terpuji  
Adat lembaga dijunjung tinggi

Apabila hidup hendak terpandang  
Adat dipakai pagi dan petang

Apabila hidup hendak selamat  
Memelihara adat berhemat cermat

**Biar mati anak jangan mati adat**  
Mati anak duka serumah  
Mati adat duka senegeri.

Beliau turut menyebut tentang ungkapan lain tentang ‘biar mati anak jangan mati adat’. Lihat pula ungkapan lain yang turut menegaskan :-

Yang syarak wajib ditegakkan  
Yang adat wajib dikokohkan  
Yang lembaga wajib dijalankan  
Supaya hukum boleh berjalan  
Supaya adil boleh ditegakkan  
Supaya hidup kekal beriman

Pantang menghukum berpilih kasih  
Pandang menghukum membuang bijak  
Pantang menghukum membuah tuah  
Pantang menghukum membuang adil  
Hukum adil benar terletak  
Yang salah dapat padahnya  
Yang benar nampai tuahnya  
Yang adat dapat ditegakkan  
Yang lembaga dapat dikekalkan  
Hukum tidak berbelah bagi  
Hukum tidak Dengki mendengki  
Hukum sesuai hidup dan mati

Maka dalam menegakkan hukum  
**Biar mati anak jangan mati adat**

### Kesimpulan

Adat Perpatih menganggap tidak ada sesuatu masalah di dunia ini yang tidak dapat diselesaikan; walau bagaimana rumit sekalipun, penyelesaiannya tetap ada jika dicari :

Tidak ada keruh yang tak jernih  
Tidak ada kusut yang tak selesai

Yang penting ialah, individu itu harus bersabar kerana :

Kusut benang, cari ujung dan pangkal  
Kusut rambut, ambil minyak dan sikat  
Sesat di hujung jalan  
Balik ke pangkal jalan

Karya-karya yang disebutkan di dalam tulisan ini sememangnya ditulis untuk menonjolkan citra positif yang sedia wujud di dalam Adat Perpatih. Sebagai pengarang yang mempunyai pilihan dalam memilih ilmu dan peristiwa bagi mengangkat sebarang

isu, penulis percaya bahawa hal-hal yang baik dan ‘yang elok-elok sahaja’ wajar ditulis di dalam bentuk kekal supaya dapat menjadi dokumentasi kepada generasi akan datang.

Novel MLS walaupun ditujukan kepada pembaca remaja, manfaatnya tetap dapat dihayati oleh sesiapa sahaja. Demikian juga cerpen-cerpen “Aset Istiqamah” dan “Lemang Nan Sebatang” yang boleh dibaca oleh sesiapa yang berminat untuk mencari kebenaran di sebalik kekeruhan ini.

Hal-hal yang dilihat negatif kepada adat ini lebih kepada salah faham dan salah komunikasi antara kedua-dua pihak. Usaha perlu dipergiat untuk menjernihkan keadaan supaya perkara yang baik dan elok ini tidak terkubur dan dikambinghitamkan tanpa sebab yang munasabah. Sebagai pengarang, inilah sebahagian daripada usaha dan tangjawab untuk menjadikan undang-undang lebih difahami dan Adat Perpatih terus mendapat nama yang baik.

*Berkelok-kelok jalan ke Daik,  
Jalan ke Daik banyak kuini;  
Mana nan elok bawalah balik,  
Nan tak baik tinggalkan di sini.*

## **Bibliografi**

### **Buku**

Nadzan Haron, *Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat 1800 – 1960*, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 1997

Nisah Haron, *Mencari Locus Standi*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2004

Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1976

Norazit Selat (ed), *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, Muzium Negara Kuala Lumpur, 1990

Parr, J.W., & Mackary H.W., Rembau , one of the Nine States, Its History , Constitution and Customs. (1910) JMBRAS No 56, hlm 73-73

### **Kertas Kerja**

Noor Aziah Haji Mohd Awal, “Wanita Dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan”, Pesta Persukuan Adat Perpatih dan Masakan Traditional di Universiti Kebangsaan Malaysia 17-18 Disember 2005

Tenas Effendy, “Ungkapan Melayu – Mutiara Khazanah Tamadun Bangsa”, Akademi Pengajian Melayu, Julai 2008

### **Cerpen**

Nisah Haron “Aset Istiqamah”, *Dewan Sastera*, September 2009

Nisah Haron “Lemang Nan Sebatang”, *Berita Minggu*, 26 September 2009